4	10/10/2018	Sumbangan kepada WIRA Merah sebanyak RM1,000
5	26/10/2018	Perbincangan dengan Agen Kutipan Hutang Extreme JR
6	26/10/2018	Mesyuarat Lembaga Bil. 139/2018 (32018)
7	21/11/2018	Penyertaan dalam kontijen MARA bagi Sambutan Maulidur Rasul 1440H /2018
8	7/12/2018	Mesyuarat Lembaga Bil. 140/2018 (42018)
9	24/1/2019	Perbincangan bersama BSM berhubung cadangan potongan pencen pesara MARA sebagai Yuran untuk terus menjadi anggota KBMB
10	25/1/2019	Menghantar surat cadangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Perkhidmatan Persaraan , Kumpulan Wang Amanah Pencen
11	15/3/2019	Mesyuarat Lembaga Bil. 141/2019 (1/2019)
12	Mac 2019	Sumbangan kepada program MARA Fun Run 2019 sebanyak RM1,000
13	5/4/2019	Promosi Keahlian BUMIRA di Program Transformasi MINDA (PTM)
14	14/6/2019	Mesyuarat Lembaga Bil. 142/2019 (2/2019)
15	03/05/2019	Majlis Bacaan Yassin dan Sambutan Ramadhan & Sambutan Ulangtahun Kelahiran Pengerusi KBMB 03/05/2019 (Staff, ALK dan Audit Dalam)
16	23/5/2019	Pengerusi KBMB Menghadiri Majlis Berbuka Puasa di rumah Tun Daim Zainuddin
17	25/5/2019	Majlis Iftar Ramadhan Keluarga BUMIRA
18	31/5/2019	Promosi Pembiayaan Khas Hari Raya Aidil Fitri 2019
19	14/6/2019	Mesyuarat Lembaga Bil. 142/2019 (2/2019)
20	20/6/2019	Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Koperasi BUMIRA

6. LAPORAN KEWANGAN KOPERASI BUMIRA (M) BERHAD BAGI TAHUN BERAKHIR 30.06.2019.

Berdasarkan Laporan dan Penyata Kewangan KBMB bagi tahun Kewangan berakhir 30 Jun 2019, prestasi kewangan KBMB telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Pendapatan kasar adalah sebanyak RM **2,773,180.04 meningkat** sebanyak **RM 109,386.19** iaitu **4.11** peratus berbanding tahun kewangan 2018 yang berjumlah **RM 2,663,793.85.**

[Tahun Kewangan 2018: Pendapatan meningkat sebanyak 1.86 peratus berbanding Tahun Kewangan 2017 – RM2,615,095.91]



Terimaan daripada **aktiviti pembiayaan** telah mendominasi pendapatan dengan menyumbang sebanyak **71.43** peratus daripada keseluruhan pendapatan. Hasil daripada aktiviti pembiayaan adalah terimaan pulangan atas pembiayaan, yuran proses pembiayaan, jualan borang pembiayaan dan caj pelangsaian awal. Pendapatan yang diterima daripada **aktiviti ekonomi** seperti terimaan komisen insuran, terimaan perkhidmatan bank, pulangan atas pembiayaan Kontrak dan korporat, Komisyen jualan produk dan terimaan sewa rumah pada tahun kewangan ini pula adalah sebanyak **10.71** peratus.



Perbelanjaan operasi dan pentadbiran KBMB berjumlah **RM 706,687.83 menurun** sebanyak **RM 22,749.33** iaitu **3.12** peratus daripada tahun kewangan sebelumnya yang berjumlah **RM 729,437.16**

[Tahun Kewangan 2018 : Perbelanjaan meningkat sebanyak 4.9 peratus berbanding Tahun Kewangan 2017 – RM695,358.39]

Hasil daripada pendapatan kasar yang diterima dan perbelanjaan yang dikeluarkan, **Keuntungan bersih** KBMB bagi tahun kewangan 2019 adalah sebanyak **RM 2,066,492.21** iaitu **peningkatan** sebanyak **RM 132,135.52** atau **meningkat 6.83** peratus daripada tahun kewangan 2018 yang berjumlah **RM1,934,356.69**

[Tahun Kewangan 2018 : Keuntungan meningkat sebanyak 0.76 peratus berbanding Tahun Kewangan 2017 – RM1,919,737.52]



K**euntungan bersih selepas Pembahagian Berkanun** ialah **RM 1,756,518.38.** Keuntungan ini diagihkan kepada anggota KBMB dengan

memperuntukkan **dividen** berjumlah **RM1,208,817.15** iaitu **RM1,170,193.15 (4 peratus**) **Modal Yuran** dan **RM38,624.00 (4 peratus)** adalah **Modal Syer**. Selain itu, keuntungan ini juga turut diagihkan untuk peruntukan pembayaran **honorarium** Lembaga sebanyak **RM5,400.00**,peruntukan **zakat** sebanyak **RM43,912.96** dan **Tabung Kebajikan Am** sebanyak **RM 21,956.48.** Baki berjumlah **RM 476,716.91** diperuntukan untuk aktiviti pembangunan KBMB tahun hadapan.



Secara keseluruhannya, selain daripada aktiviti pembiayaan kepada anggota, KBMB akan memberikan lebih perhatian kepada aktiviti pelaburan dan ekonomi untuk memastikan kedudukan kewangan KBMB terus kukuh.

7. LAPORAN JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN EKONOMI.

Ahli Executive Committee

a.	Pn. Meriyam Abd Majid	-	Pengerusi
b.	Pn. Nor Hafizah Ismail	-	Timb.Pengerusi
c.	En. Mohd Nasir Shaarani	-	Setiausaha

7.1 Skop dan Tanggungjawab

i. Menyedia dan membentangkan rancangan perniagaan, pelaburan dan penambahan aset koperasi jangka pendek dan jangka panjang untuk pertimbangan Anggota Lembaga Koperasi.

ii. Merangka, melaksana dan mengawal selia projek perniagaan dan pelaburan yang telah diluluskan.

iii. Menganjurkan taklimat – taklimat mengenai peluang – peluang urusniaga baru untuk pertimbangan Ahli Lembaga Koperasi.

iv. Mencari peluang – peluang baru dalam perniagaan, pemilikan aset dan pelaburan yang lebih menguntungkan kepada anggota koperasi.

7.2 Pendapatan Yang diprolehi mengikut bahagian oleh Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi.

i. Pembiayaan Kontrak & Korporat berjumlah RM112,460.98 meningkat daripada tahun kewangan 2018 dan telah menyumbang (37%) daripada keseluruhan aktiviti ekonomi.

ii. Takaful Insuran berjumlah RM 95,255.93 meningkat daripada tahun kewangan 2018 dan telah menyumbang (31%) daripada keseluruhan aktiviti ekonomi.

iii. Pengurusan Dana menurun sebanyak 1% daripada tahun sebelumnya kepada RM 68,501.06 (22%).

iv. Hartanah berlaku peningkatan sebanyak 1% kepada RM21,600.00 (7%).

v. Produk berlaku penurunan begitu ketara disebabkan penamatan pembekal lama. Pihak koperasi telah membuat pelantikan pembekal baru. Jumlah yang diprolehi sebanyak RM 9,200.94 (3%).

Usaha untuk meningkatkan pendapatan koperasi akan terus dijalankan mengikut peluang – peluang yang ada.



8. LAPORAN JAWATANKUASA KERJA PEMBIAYAAN

8.1 Ahli Executive Committee Pembiayaan

a. En. Jafre bin Mohd Ariffin - Pengerusi
b. Pn. Halizah binti Harun - Setiausaha
c. Pn. Norazizan binti Ismail - Ahli

8.2 Jumlah dan Nilai Pembiayaan Yang Diluluskan

Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh Executive Committee Pembiayaan, Koperasi BUMIRA (M) Bhd. (KBMB) dalam tempoh 12 bulan (01 Julai 2018 hingga 30 Jun 2019) adalah seperti berikut:

Pembiayaan Peribadi : 718 permohonan Nilai : RM11,603,700.00
Pembiayaan Khas : 762 permohonan Nilai : RM 1,986.152.00

Jumlah Permohonan : 1480 permohonan Nilai : **RM13,589,852.00**

2.3 Catatan perbandingan pembiayaan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan 2017, 2018 dan 2019:

	TAHUN KEWANGAN					
	2017		**2018**		**2019**	
BIL BULAN	**BIL PEMINJAM**	**JUMLAH PEMÝAAN (RM)**	**BIL PEMINJAM**	**JUMLAH PEMÝAAN (RM)**	**BIL PEMINJAM**	**JUMLAH PEM'YAAN (RM)**
Julai	44	663,000.00	82	1,004,141.12	79	1,221,900.00
Ogos	96	1,681,938.12	92	1,323,330.00	84	1,066,970.00
September	119	1,783,657,93	63	885,140.00	77	1,016,450.00
Oktober	107	1,721,050.54	59	927,720.00	87	1,221,520.00
November	137	1,780,490.00	112	1,260,910.00	81	804,650.00
Disember	137	1,143,550.00	108	792,160.00	123	1,258,462.00
Jum Julai – Dis 2018	**640**	**8,773,686.59**	**516**	**6,193,401.12**	**531**	**6,589,952.00**
Januari	80	1,163,200.00	120	1,038,930.00	84	1,230,800.00
Februari	80	1,177,200.00	65	605,900.00	52	756,300.00
Mac	91	1,384,720.00	53	645,710.00	145	1,203,700.00
April	80	1,320,700.00	163	1,112,740.00	209	1,457,300.00
Mei	341	2,264,500.00	397	1,864,000.00	397	1,892,500.00
Jun	430	1,666,858.71	211	958,460.00	62	459,300.00
Jum Jan – Jun 2019	**1102**	**8,977,178.71**	**1,009**	**6,225,740.00**	**949**	**6,999,900.00**
Jum Keseluruhan	**1742**	**17,750,865.30**	**1525**	**12,419,141.12**	**1480**	**13,589,852.00**

Berikut adalah carta pinjaman/pembiayaan yang telah dikeluarkan dari tahun kewangan 2017, 2018 dan 2019:



Dari jumlah pembiayaan yang dikeluarkan, jumlah pembiayaan yang dikeluarkan dalam tahun kewangan 2019 terdapat peningkatan iaitu dari **RM12,419,141.12** (tahun kewangan 2018) kepada **RM13,589,852.00** (tahun kewangan 2019) iaitu peningkatan sebanyak **0.91%.**

Diharap untuk tahun tahun yang akan datang lebih ramai ahli-ahli yang aktif membuat pembiayaan agar dapat meningkatkan lagi jumlah pembiayaan yang akan dikeluarkan dan seterusnya meningkatkan lagi prestasi pembiayaan.

9. LAPORAN JAWATANKUASA KERJA PENGUATKUASAAN

9.1 Ahli Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Koperasi BUMIRA (M) Berhad (KBMB) adalah seperti berikut:

a. Tn. Haji Mohamad Nor Sazelim Mohamad- Pengerusi
b. Sdra. Zairul Amri Adam - Timb.Pengerusi
c. Sdri. Sh.Noorhafizah Sy.Othman - Setiausaha

9.2 Sepanjang tempoh dari Julai 2018 hingga Jun 2019, Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan KBMB telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

i. Mengambil tindakan menghantar notis kepada peminjam yang telah berhenti menjadi anggota dan belum menjelaskan baki hutang pembiayaan peribadi yang tertunggak.

ii. Melaksanakan potongan gaji kepada penjamin pembiayaan yang terlibat.

iii. Melaksanakan kutipan melalui 2 agen yang dilantik iaitu Erat Gemilang Consultancy Sdn Bhd dan Pasadana Sdn. Bhd.

iv. KBMB juga sedang bekerjasama dengan RAM Kredit di bawah ANGKASA untuk menyenaraihitamkan defaulter dalam SPeKAR System.

9.3 Berikut merupakan maklumat jumlah *defaulter* bagi tempoh Julai 2017 hingga Jun 2018 dan Julai 2018 hingga Jun 2019 :

Butir	**2017 - 2018**	**2018-2019**	**Peratus**
Bilangan *Defaulter*	303	332	
JUMLAH	**RM1,568,125.63**	**RM1,113,045.55**	**- 29%**

9.4 Prestasi kutipan *defaulter* bagi tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 96% berbanding kutipan tempoh Julai 2017 hingga Jun 2018. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

2017 - 2018	**2018 - 2019**	**Peratus**
RM 57,785.47	RM 113,045.55	**+ 96%**

9.5 Pecahan terperinci kutipan yang telah dibuat bagi tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 berdasarkan tahun *defaulter* adalah seperti berikut:

TAHUN	RM
2005	300.00
2006	1,570.48
2007	-
2008	-
2009	100.00
2010	217.00
2011	100.00
2012	13,500.00
2013	3,650.00
2014	26,828.00
2015	1,025.94
2016	1,200.00
2017	2,750.00
2018	12,529.10
2019	49,275.03
JUMLAH	**113,045.55**

9.6 Bayaran komisyen kepada Erat Gemilang Consultancy Sdn. Bhd. bagi kutipan yang telah dilaksanakan untuk tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

TAHUN *DEFAULTER*	PERATUS KOMISEN	JUMLAH (RM)
2017-2018	20%	-
2006-2016	30%	5,677.75
2005-2000	35%	
JUMLAH		**5,677.75**

9.7 Bayaran komisyen kepada Pasadana Sdn. Bhd. bagi kutipan yang telah dilaksanakan untuk tempoh Julai 2018 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

TAHUN *DEFAULTER*	PERATUS KOMISEN	JUMLAH (RM)
2017-2018	20%	-
2006-2016	28%	7,834.93
2005-2000	33%	-
JUMLAH		**7,834.93**

0. LAPORAN JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEANGGOTAAN

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Pentadbiran Dan Keanggotaan KBMB adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	Puan Anidah Bt. Husin
Setiausaha	:	Mohd Nasir B. Shaarani
Ahli	:	Mami Bt. Diron

Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan dalam urusan pengurusan operasi koperasi. Pengurusan operasi koperasi sedang dipertingkatkan agar lebih efisien dan menepati keperluan para anggota. Beberapa perubahan telah dan sedang dilakukan demi memastikan Koperasi dapat beroperasi secara paling optimum.

Antara bentuk promosi yang sentiasa dijalankan ialah edaran risalah, iklan dan pengumuman di dalam laman web BUMIRA & Intranet MARA/GIATMARA. Aktiviti promosi akan digandakan lagi bagi meningkatkan jumlah keanggotaan KBMB.

11. PEMBAYARAN DIVIDEN

KBMB telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak **RM 2,066,492.21** bagi tempoh kewangan berakhir **30.06.2019.**

Berdasarkan kepada keuntungan yang diperolehi itu, maka Anggota Lembaga Koperasi Bumira mencadangkan supaya Dividen dibayar kepada anggota atas kadar **4%** ke atas modal yuran terkumpul dan **4%** keatas modal syer. Bagi tahun kewangan berakhir pada **30.06.2019.** Pembayaran Dividen ini juga telah dicadangkan oleh Juruaudit Luar Koperasi. Mesyuarat adalah diminta supaya memberi kelulusan ke atas pembayaran dividen seperti yang dicadangkan.

12. PEMBAYARAN ELAUN HONORARIUM

Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan pembayaran Honorarium kepada setiap seorang Anggota Lembaga Koperasi sebanyak RM600.00 yang keseluruhannya berjumlah RM5,400.00 selaras dengan peruntukkan bil. 33 (1)(f) Undang-undang Kecil KBMB. Pembayaran tersebut hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

Mesyuarat adalah diminta memberikan kelulusan keatas pembayaran Honorarium sebanyak RM5,400.00 seperti yang dicadangkan.

13. PENUTUP

Anggota Lembaga Koperasi BUMIRA (M) Bhd. dengan ini membentangkan untuk makluman anggota Koperasi.

WAN AHMAD FAEZAL BIN WAN NAWI
SETIAUSAHA
Koperasi BUMIRA Malaysia Berhad
Tarikh : 30 Oktober 2019

KOPERASI
BUMIRA

LAPORAN TAHUNAN 2019

LAPORAN AUDIT DALAM KOPERASI

Pengerusi
Koperasi Bumira (M) Berhad

Tarikh: 15 November 2019

LAPORAN AUDIT DALAMAN KOPERASI BAGI TEMPOH JUL 2018 – JUN 2019

Jawatankuasa Audit Dalaman telah membuat semakan berkala ke atas penyata-penyata **Rekod Kewangan dan Sistem Pentadbiran** koperasi bagi tempoh 01 Julai 2018 hingga 30 Jun 2019.

Semakan kami adalah seperti berikut:

A. REKOD KEWANGAN

1. Di sepanjang kerja-kerja audit dalaman dijalankan, Pengurusan Koperasi BUMIRA (M) Berhad telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa Audit Dalaman.

2. Butiran akaun untung rugi telah dibentangkan dengan teratur oleh pihak Pengurusan Koperasi BUMIRA (M) Berhad dalam tahun kewangan yang diaudit.

3. Buku-buku Penyata Kewangan telah direkod dan disimpan dengan baik serta diberi penjelasan keterangan butiran dalaman dengan jelas.

4. Tiada teguran yang diterima daripada audit luar dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

B. SISTEM PENTADBIRAN

1. Baucer bayaran, Buku Tunai, Resit Rasmi, Penyata Bank, Invois telah dilengkapkan dan mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil KBMB.

2. Rekod Pengurusan Aset telah diuruskan dengan baik.

3. Teguran dan pandangan audit – KBMB perlu mengatasi masalah terimaan bayaran yang tidak dapat dikenalpasti melalui mesin bayaran bank.

Sekian laporan kami, terima kasih.

RAJA IZAHAM BIN RAJA ISKANDAR (NO: ANGGOTA 1886)
KETUA JURUAUDIT DALAMAN BUMIRA

KOPERASI
BUMIRA

LAPORAN TAHUNAN 2019

PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019 KOPERASI

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

Aktiviti utama KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD ialah memberi Pembiayaan Patuh Syariah kepada anggota-anggotanya.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

(a) perolehan Koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang luarbiasa;

(b) dalam tahun kewangan ini, Koperasi membayar dividen sebanyak 4% atas modal yuran dan 4% atas modal syer berjumlah RM1,182,331.58 untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018. Koperasi juga bercadang untuk membayar dividen bagi tahun kewangan ini sebanyak RM1,170,193.15 (4% atas baki modal yuran anggota), dan RM38,624.00 (4% atas baki modal syer anggota) pada 30 Jun 2019 tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

(c) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;

(d) tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;

(e) Lembaga juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di lembaran imbangan adalah munasabah;

(f) dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang pindaan penting dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan, selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan;

(g) aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi secara urusan perniagaan biasa; dan

(h) Koperasi telah membuat peruntukan hutang lapuk sebanyak RM65,625.73 pada tahun semasa.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)
(Sambungan)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.

PN. MERIYAM BINTI ABD MAJID
Pengerusi

EN. WAN AHMAD FAEZAL BIN WAN NAWI
Setiausaha

PN. NOR HAFIZAH BINTI ISMAIL
Bendahari

Tarikh: 11 NOV 2019
Kuala Lumpur, Malaysia

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
CHARTERED ACCOUNTANTS (M) (AF 0699)
www.atarek.com.my

Kuala Lumpur office :

No. 89-2, Jalan Wangsa Delima 5, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 603 - 4142 6515
Fax : 603 - 4149 8823

Offices :

Ipoh
Kuching
Kota Bharu
Melaka
Kuala Terengganu
Kota Kinabalu
Kuantan

Member firm of
ASNAF
ASEAN Accounting Firms
www.asnafgroup.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

Kepada,
Ketua Pendaftar Koperasi,
Anggota-anggota **Koperasi Bumira Malaysia Berhad**

Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Bumira Malaysia Berhad**, yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2019, Akaun Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 32 didalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2019, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan.* Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Koperasi menurut *Undang-Undang Kecil (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("IESBA Code"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut Undang-Undang Kecil dan IESBA Code.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
(Sambungan)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Sambungan)

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan, melaluinya, mempertimbangkan samaada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi samaada berniat untuk membubarkan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah samaada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, samaada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
(Sambungan)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional disepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara lain, skop dan jangkamasa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
(Sambungan)

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:

(a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993,

(b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2019, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi,

(c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
AF: 0699
Akauntan-Akauntan Bertauliah

AZHAN BIN ABU BAKAR
No. Kelulusan : SKM(B)0485
Akauntan Bertauliah

Tarikh : 11 NOV 2019
Kuala Lumpur

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 30 JUN 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET TETAP			
Bangunan	3	472,189.19	237,452.50
Tanah	3	1,450,000.00	1,450,000.00
Komputer	3	13,174.01	16,622.36
Perkakas pejabat	3	1,205.51	1,581.31
Perabot	3	6,537.63	8,657.63
Ubahsuai pejabat	3	1.00	364.82
		1,943,107.34	1,714,678.62
ASET SEPARA TETAP			
Pelaburan saham siar harga	4	367,929.07	367,929.07
Pembiayaan anggota	5	10,884,593.49	13,826,223.54
Pembiayaan tanah	6	124,622.94	152,247.34
Pembiayaan kontrak dan korporat	7	973,163.72	1,049,819.10
Pembiayaan perumahan anggota kerja	8	276,127.84	289,454.44
Pelaburan perniagaan	9	202,204.80	193,845.80
Pembiayaan khas	10	-	-
		12,828,641.86	15,879,519.29
ASET SEMASA			
Pembiayaan anggota	5	15,885,837.64	14,842,159.26
Pembiayaan tanah	6	60,194.40	60,194.40
Pembiayaan perumahan anggota kerja	8	14,072.64	14,072.64
Pembiayaan khas	10	4,374.00	4,140.00
Inventori	11	30,600.00	36,360.00
Penghutang-penghutang lain dan deposit	12	9,534.94	48,141.98
Wang tunai di tangan dan di bank	13	2,937,999.44	2,211,665.92
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	14	6,968,655.75	4,348,569.97
		25,911,268.81	21,565,304.17

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 30 JUN 2019
(Sambungan)

	Nota	2019 RM	2018 RM
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	15	109,845.86	85,883.20
Pembiayaan daripada institusi kewangan lain	16	734,989.26	495,584.05
Dividen dicadangkan	17	1,208,817.15	1,182,331.58
Peruntukan zakat	18	53,744.36	50,936.48
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi	19	41,329.84	38,687.13
Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi	20	20,664.92	19,343.57
		2,169,391.39	1,872,766.01
ASET SEMASA BERSIH		23,741,877.42	19,692,538.16
		38,513,626.62	37,286,736.07
Dibiayai oleh:			
Modal syer anggota	21	965,600.00	994,600.00
Modal yuran anggota	22	31,360,196.76	30,828,717.07
Modal syer bonus		11,600.00	11,600.00
Akaun rizab modal		6,531.31	6,531.31
Akaun rizab am		44,405.95	44,405.95
Keuntungan terkumpul		3,683,192.11	3,206,760.32
KUMPULAN WANG ANGGOTA		36,071,526.13	35,092,614.65
Kumpulan Wang Rizab Statutori	23	2,442,100.49	2,194,121.42
		38,513,626.62	37,286,736.07

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Keuntungan bersih tahun semasa		2,066,492.21	1,934,356.69
Tolak: Pembahagian berkanun			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12% (2018: 12%)	23	247,979.07	232,122.80
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2% (2018: 2%)	19	41,329.84	38,687.13
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1% (2018: 1%)	20	20,664.92	19,343.57
		309,973.83	290,153.50
Keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun		1,756,518.38	1,644,203.19
Tolak:			
Peruntukan zakat	18	43,912.96	41,105.09
Tolak: Pembahagian lain			
Dividen atas Modal Yuran Anggota dicadangkan 4% (2018:4%)	17	1,170,193.15	1,142,547.58
Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan 4% (2018:4%)	17	38,624.00	39,784.00
Honorarium Anggota Lembaga		5,400.00	5,400.00
Tabung kebajikan am	15	21,956.48	-
		1,236,173.63	1,187,731.58
Baki keuntungan tahun semasa		476,431.79	415,366.52
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		3,206,760.32	2,791,393.80
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		3,683,192.11	3,206,760.32

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada aktiviti:			
Dividen saham		38,692.87	56,563.36
Fee masuk		4,860.00	7,410.00
Hibah		6,914.98	6,801.08
Hutang lapuk ditulis kembali		113,045.55	57,785.47
Jualan borang		1,488.00	1,587.00
Keuntungan pelaburan khas al-qiradh		220,085.78	116,011.71
Komisen insuran		95,255.93	98,304.09
Pelbagai pendapatan	24	286,108.42	270,105.83
Pendapatan sewa rumah		21,600.00	21,600.00
Pulangan atas pembiayaan Anggota		1,775,658.69	1,841,293.51
Pulangan atas pembiayaan Kontrak dan Korporat		112,460.98	80,887.72
Pulangan atas pembiayaan perumahan		8,354.64	8,792.28
Pulangan atas pembiayaan Tanah		11,544.20	17,301.80
Yuran proses pembiayaan		77,110.00	79,350.00
Jumlah pendapatan		2,773,180.04	2,663,793.85
PERBELANJAAN			
Belanja mesyuarat agung		91,645.82	29,934.10
Elaun anggota lembaga	25	40,890.00	38,605.00
Gaji dan bonus pekerja		338,135.47	363,960.48
KWSP dan SOCSO		35,386.60	39,918.40
Pelbagai perbelanjaan	26	183,058.66	215,312.62
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		11,571.28	35,706.56
Yuran audit luar		6,000.00	6,000.00
Jumlah perbelanjaan		706,687.83	729,437.16
Keuntungan bersih tahun semasa		2,066,492.21	1,934,356.69

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai dan pembahagian berkanun		2,066,492.21	1,934,356.69
Pelarasan untuk:			
Susutnilai hartanah,loji dan peralatan		11,571.28	35,706.56
Keuntungan daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja:		2,078,063.49	1,970,063.25
Inventori		5,760.00	8,280.00
Penghutang-penghutang lain dan deposit		(213,038.02)	(420,454.17)
Pelbagai pemiutang dan akruan		23,962.66	(16,978.03)
		(183,315.36)	(429,152.20)
Tunai sebelum pengagihan berkanun dan agihan-agihan lain		1,894,748.13	1,540,911.05
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN-AGIHAN LAIN			
Pembayaran honorarium		(5,400.00)	(5,400.00)
Pembayaran Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi		(19,343.57)	(19,197.38)
Pembayaran Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi		(38,687.13)	(38,394.75)
Pembayaran zakat		(41,105.08)	(40,794.42)
		(104,535.78)	(103,786.55)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi		1,790,212.35	1,437,124.50
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penambahan pelaburan perniagaan		(8,359.00)	(1,478.00)
Pembelian aset tetap		(240,000.00)	(1,473,236.00)
Pembiayaan anggota		1,897,951.67	1,849,279.72
Pembiayaan khas		(234.00)	7,798.00
Pembiayaan kontrak dan korporat		76,655.38	232,252.04
Pembiayaan perumahan anggota kerja		13,326.60	14,076.60
Pembiayaan tanah		27,624.40	98,670.78
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pelaburan		1,766,965.05	727,363.14

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019
(Sambungan)

	Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran dividen		(919,643.00)	(847,824.71)
Pembiayaan daripada institusi kewangan lain		239,405.21	(82,338.25)
Modal yuran anggota		531,479.69	1,355,455.26
Modal syer anggota		(62,000.00)	(17,983.41)
Tunai bersih (digunakan dalam)/ diperolehi daripada aktiviti pembiayaan		(210,758.10)	407,308.89
KURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		3,346,419.30	2,571,796.53
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		6,560,235.89	3,988,439.36
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		9,906,655.19	6,560,235.89
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:			
Wang di bank	13	2,937,482.44	2,211,387.92
Wang di tangan	13	517.00	278.00
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	14	6,968,655.75	4,348,569.97
		9,906,655.19	6,560,235.89

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Koperasi ialah memberikan Pembiayaan Patuh Syariah kepada anggota-anggotanya. Tiada sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Alamat pejabat berdaftar Koperasi dan alamat pentadbiran utama adalah di Tingkat 2, Medan Mara, Lot 3.28 dan 3.29, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Dasar perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa aktiviti Koperasi adalah berterusan dan mematuhi Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan menurut peruntukan Akta Koperasi, 1993, Peraturan-peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

(b) Yuran masuk anggota

Yuran masuk yang diterima telah dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan mengikut bilangan 13 (4) Undang-undang Kecil Koperasi.

(c) Aset tetap

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan penurunan nilai aset.

Pada aset-aset lain, susutnilai telah dikira supaya menghapuskira kos aset mengikut asas garisan lurus atas tempoh penggunaan aset berkenaan. Kadar susutnilai tahunan adalah:

	%
Bangunan	2
Kenderaan	20
Komputer	20
Mesin fotosat	20
Perabot	20
Perkakas pejabat	20
Ubahsuai pejabat	20

Tanah milik kekal tidak dikenakan susutnilai.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(c) Aset tetap (Sambungan)

Apabila aset tetap dijual, keuntungan atau kerugian hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa. Keuntungan atau kerugian hasil dari penjualan hartanah akan dikreditkan/dicajkan ke akaun rizab modal manakala keuntungan atau kerugian dari penjualan aset-aset lain akan dikreditkan/dicajkan ke akaun untung rugi.

Aset tetap akan dinyatakan pada nilai pulih semula sekiranya nilai pulih semula kurang dari nilai dibawa. Nilai pulih semula adalah lebih tinggi di antara nilai bersih direalisasi dan nilai penggunaannya.

(d) Kemerosotan nilai bawaan aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Koperasi menyemak nilai bawaan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur semula dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula. Nilai boleh diterima adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai jualan aset atau nilai digunakan, di mana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan didiskaunkan. Nilai boleh diterima dianggap bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian rosotnilai dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebihan penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai penerbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset akan ditentukan (bersih daripada perlunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kemerosotan telah diiktiraf.

Penerbalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Jika kerugian rosotnilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(e) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dimiliki sama ada untuk tujuan menerima sewa atau peningkatan nilai harta atau untuk tujuan kedua-duanya. Hartanah berikut dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai telah dikira supaya menghapuskira kos harta mengikut asas garisan lurus atas tempoh penggunaan harta berkenaan.

(f) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dan jangka pendek di dalam syer-syer ekuiti tersiarharga dinyatakan atas kos dan nilai pasaran bersih yang mana lebih rendah. Dividen dari pelaburan syer tersiarharga diiktiraf sebagai pendapatan mengikut asas penerimaan.

Pelaburan jangka panjang di dalam syer-syer ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosotnilai.

Peruntukan rosotnilai akan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya.

Pindahan di antara pelaburan jangka pendek dan jangka panjang, jika ada, dilaksanakan menggunakan nilai kos pemilikan dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

(g) Pembiayaan

Pembiayaan direkodkan pada jumlah penerimaan ditolak kos transaksi. Kesemua kos pembiayaan dikenalpasti sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana ianya terjadi.

(h) Inventori

Inventori dinilai pada nilai yang lebih rendah di antara kos dengan nilai bersih yang boleh diperolehi selepas peruntukan secukupnya dibuat bagi inventori-inventori yang usang dan kurang laris. Kos ditentukan mengikut kaedah masuk dahulu, keluar dahulu. Kos inventori mengandungi kos belian dicampur dengan kos untuk membawa inventori ke lokasi.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(i) Penghutang perdagangan dan penghutang lain

Penghutang perdagangan dan penghutang lain dinyatakan pada kos ditolak peruntukan jangkaan nilai tidak boleh terima. Hutang lapuk dihapuskira apabila telah dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas jumlah tertunggak pada akhir kewangan.

(j) Pemiutang perdagangan dan pemiutang lain

Pemiutang perdagangan dan pemiutang lain dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi produk dan perkhidmatan yang diterima.

(k) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti atas perbezaan sementara di antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti pada tarikh lembaran imbangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan potongan sementara, kerugian perniagaan belum diserap dan elaun modal belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai boleh untuk digunakan atas perbezaan potongan sementara, kerugian perniagaan belum diserap dan elaun modal belum diguna.

Cukai tertunda dikira pada asas kadar cukai yang dijangkakan akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasikan dan liabiliti diselesaikan berdasarkan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam akaun untung rugi kecuali, jika ia timbul dari urusniaga yang diiktiraf secara langsung kepada ekuiti, di mana cukai tertunda juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu diambilkira dalam pengiraan muhibbah atau muhibbah negatif.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(l) Tunai dan keserataan tunai

Bagi penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan keserataan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, pelaburan tetap tidak bercagar, kemudahan overdraf dan pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(m) Pengiktirafan pendapatan

Hasil diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan mengalir masuk kepada Koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

(i) Pulangan atas pembiayaan

Pengiktirafan keuntungan atas pembiayaan berdasarkan pada kaedah baki berkurangan atas penerimaan daripada potongan gaji berjadual.

(ii) Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerimanya telah ditentukan.

(iii) Pendapatan sewa dan komisen

Pendapatan sewa dan komisen diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

(n) Instrumen-instrumen kewangan

Instrumen kewangan yang ditunjukkan di kunci kira-kira merangkumi tunai dan baki bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan khusus yang diterimapakai, akan dibentangkan dalam penyata polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap item yang berkenaan.

Aset kewangan adalah sebarang aset berbentuk tunai, mempunyai hak bersifat kontrak untuk menerima tunai dan lain-lain aset kewangan daripada sebuah syarikat lain; yang mempunyai hak bersifat kontrak untuk bertukar aset kewangan dengan syarikat lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan; atau sebuah instrumen ekuiti daripada syarikat lain.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(n) Instrumen-instrumen kewangan (Sambungan)

Liabiliti kewangan adalah sebarang liabiliti yang mempunyai hak bersifat kontrak untuk memberi tunai atau lain-lain aset kewangan kepada syarikat lain di bawah syarat yang berpotensi merugikan.

Instrumen kewangan yang diterbitkan oleh Koperasi diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan perkara dalam susunan bersifat kontrak. Keuntungan, dividen, laba dan kerugian berkenaan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti adalah dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicajkan terus ke ekuiti. Instrumen kewangan akan diofsetkan apabila Koperasi mempunyai hak penguatkuasa yang sah untuk mengofsetkan amaun yang telah diiktiraf, dan bertujuan untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti dengan serentak.

(o) Manfaat pekerja

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktirafkan sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh anggota kerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangkapendek seperti cuti tahunan dibayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh anggota kerja yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran terkumpul jangkapendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

Pelan caruman wajib

Koperasi dikehendaki membuat caruman kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman ini akan diiktiraf sebagai belanja di akaun untung rugi secara akruan.

(p) Polisi pengurusan risiko kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi bertujuan untuk memastikan Koperasi mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menjalankan urusan dan pada masa yang sama menguruskan kadar keuntungan, kecairan dan risiko kredit. Polisi Koperasi adalah untuk tidak terlibat di dalam transaksi yang terdedah kepada spekulasi.

2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(p) Polisi pengurusan risiko kewangan (Sambungan)

Risiko-risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Koperasi dan polisi-polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:-

(i) Risiko kadar keuntungan

Pembiayaan dan simpanan tetap Koperasi terdedah kepada risiko kadar keuntungan. Objektif mempelbagaikan kadar keuntungan pembiayaan ialah untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar keuntungan sementara membolehkan Koperasi memperoleh faedah daripada kejatuhan kadar keuntungan.

(ii) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Risiko kredit dikawal dengan penggunaan permohonan kredit, tahap kredit dan langkah-langkah pemantauan. Ini dilakukan melalui rujukan Penggredan Kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan utama. Dalam ketiadaan yang di atas, kajian kredit dalaman dilakukan jika risiko kredit adalah besar.

(iii) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul bagi kedudukan Koperasi akibat daripada perubahan yang merugikan dalam paras harga pasaran. Risiko ini diawasi dengan meletakkan had pelaburan di dalam syer disiar harga kepada peratusan tertentu terhadap aset Koperasi.

(iv) Risiko kecairan aliran tunai

Pendedahan Koperasi kepada risiko kecairan aliran tunai dikendalikan dengan cara mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

Objektif untuk kematangan hutang ialah untuk memastikan amaun yang matang di dalam sesuatu tahun tidak melebihi daripada kebolehan Koperasi untuk membayar atau melalui pembiayaan semula.

3 ASET TETAP

2019	Bangunan RM	Tanah RM	Kenderaan RM	Komputer	Mesin fotostat RM	Perkakas pejabat RM	Perabot RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos									
Baki pada awal tahun	263,165.22	1,450,000.00	102,233.00	96,678.75	2,300.00	17,512.00	49,769.70	69,149.25	2,050,807.92
Tambahan dalam tahun	240,000.00	-	-	-	-	-	-	-	240,000.00
Kurangan/pindahan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	503,165.22	1,450,000.00	102,233.00	96,678.75	2,300.00	17,512.00	49,769.70	69,149.25	2,290,807.92
Susutnilai terkumpul									
Baki pada awal tahun	25,712.72	-	102,233.00	80,056.39	2,300.00	15,930.69	41,112.07	68,784.43	336,129.30
Tambahan dalam tahun	5,263.31	-	-	3,448.35	-	375.80	2,120.00	363.82	11,571.28
Kurangan/pindahan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	30,976.03	-	102,233.00	83,504.74	2,300.00	16,306.49	43,232.07	69,148.25	347,700.58
Susutnilai tahun lepas	25,712.72	-	-	1,715.69	-	375.80	1,943.37	5,958.98	35,706.56
Nilai buku bersih									
Pada 30 Jun 2019	472,189.19	1,450,000.00	-	13,174.01	-	1,205.51	6,537.63	1.00	1,943,107.34
Pada 30 Jun 2018	237,452.50	1,450,000.00	-	16,622.36	-	1,581.31	8,657.63	364.82	1,714,678.62

4 PELABURAN SAHAM SIAR HARGA

2019	Bilangan unit	Kos seunit RM	Jumlah kos RM	Harga pasaran RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	7,500	41.28	309,583.00	309,583.00
CIMB Islamic Dali Equity Fund	42,498	0.53	22,614.23	21,986.65
CIMB Islamic Equity Fund	28,661	0.58	16,538.07	16,269.81
HWDBS Dana Izdihar	19,257	1.00	19,193.77	21,325.35
			367,929.07	369,164.81
Rosotnilai			-	-
			367,929.07	369,164.81

2018	Bilangan unit	Kos seunit RM	Jumlah kos RM	Harga pasaran RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	7,500	41.28	309,583.00	309,583.00
CIMB Islamic Dali Equity Fund	42,498	0.53	22,614.23	22,244.66
CIMB Islamic Equity Fund	28,661	0.58	16,538.07	15,747.94
HWDBS Dana Izdihar	19,257	1.00	19,193.77	19,976.09
			367,929.07	367,551.69
Rosotnilai			-	-
			367,929.07	367,551.69

5 PEMBIAYAAN ANGGOTA

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	28,668,382.80	30,517,662.52
Pembiayaan diberi dalam tahun	13,987,885.97	12,992,879.54
	42,656,268.77	43,510,542.06
Bayaran balik diterima dalam tahun	(15,885,837.64)	(14,842,159.26)
Baki pada akhir tahun	26,770,431.13	28,668,382.80
Bayaran balik pembiayaan dalam tempoh 12 bulan	15,885,837.64	14,842,159.26
Bayaran balik pembiayaan selepas tempoh 12 bulan	10,884,593.49	13,826,223.54
	26,770,431.13	28,668,382.80

6 PEMBIAYAAN TANAH

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	212,441.74	311,112.52
Pembiayaan diberi dalam tahun	-	-
	212,441.74	311,112.52
Bayaran balik diterima dalam tahun	(27,624.40)	(98,670.78)
Baki pada akhir tahun	184,817.34	212,441.74
Bayaran balik pembiayaan dalam tempoh 12 bulan	60,194.40	60,194.40
Bayaran balik pembiayaan selepas tempoh 12 bulan	124,622.94	152,247.34
	184,817.34	212,441.74

7 PEMBIAYAAN KONTRAK DAN KORPORAT

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	1,049,819.10	1,282,071.14
Pembiayaan diberi dalam tahun	2,062,828.64	908,100.00
	3,112,647.74	2,190,171.14
Bayaran balik diterima dalam tahun	(2,139,484.02)	(1,140,352.04)
Baki pada akhir tahun	973,163.72	1,049,819.10

8 PEMBIAYAAN PERUMAHAN ANGGOTA KERJA

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	303,527.08	317,603.68
Pembiayaan diberi dalam tahun	-	-
	303,527.08	317,603.68
Bayaran balik diterima dalam tahun	(13,326.60)	(14,076.60)
Baki pada akhir tahun	290,200.48	303,527.08
Bayaran balik pembiayaan dalam tempoh 12 bulan	14,072.64	14,072.64
Bayaran balik pembiayaan selepas tempoh 12 bulan	276,127.84	289,454.44
	290,200.48	303,527.08

9 PELABURAN PERNIAGAAN

Koperasi bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM250,000.00 bagi pembiayaan projek Perniagaan Runcit atas nama Honey 3.

10 PEMBIAYAAN KHAS

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	4,140.00	11,938.00
Pembiayaan diberi dalam tahun	6,500.00	5,000.00
	10,640.00	16,938.00
Bayaran balik diterima dalam tahun	(6,266.00)	(12,798.00)
Baki pada akhir tahun	4,374.00	4,140.00
Bayaran balik pembiayaan dalam tempoh 12 bulan	4,374.00	4,140.00
Bayaran balik pembiayaan selepas tempoh 12 bulan	-	-
	4,374.00	4,140.00

11 INVENTORI

	2019 RM	2018 RM
Stok jam tangan	30,600.00	36,360.00

12 LAIN-LAIN PENGHUTANG

	2019 RM	2018 RM
Deposit Tenaga Nasional Berhad	132.22	132.22
Deposit letak kereta	50.00	50.00
Deposit saham	100.00	100.00
Deposit sewa pejabat	750.00	750.00
Deposit elektrik - sewa pejabat	300.00	300.00
Komisyen terakru	7,309.83	36,068.97
Sewa terakru	-	6,150.00
Takaful kredit	892.89	4,590.79
	9,534.94	48,141.98

13 WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2019 RM	2018 RM
a) Wang di bank		
Bank Islam Malaysia - a/c 43987	2,557,111.11	1,824,574.66
Bank Islam Malaysia - a/c 62868	122,130.50	241,004.56
Bank Islam Malaysia - a/c 56528	82,133.21	10,562.41
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	176,107.62	135,246.29
	2,937,482.44	2,211,387.92
b) Wang di tangan		
Wang tunai runcit	517.00	278.00
Jumlah keseluruhan	2,937,999.44	2,211,665.92

14 ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2019 RM	2018 RM
PELABURAN AL-MUDHARABAH		
1) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	6,968,655.75	4,348,569.97
	6,968,655.75	4,348,569.97

15 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2019 RM	2018 RM
Yuran audit luar	6,000.00	6,000.00
Tabung kebajikan am	29,332.59	7,376.11
Honorarium	5,400.00	5,400.00
Nadicorp Holdings	1,215.00	125.00
Skim Insuran	63,698.27	60,304.45
Cukai barang dan perkhidmatan	-	2,477.64
Deposit sewa dan utiliti	4,200.00	4,200.00
	109,845.86	85,883.20

16 PEMBIAYAAN ANGGOTA DARI INSTITUSI KEWANGAN LAIN

Institusi kewangan yang terlibat ialah Public Bank Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. Kadar faedah bagi tiga tahun pertama ialah 3.4%, tahun ke-4 hingga tahun ke-15 ialah 4.88% dan tahun ke-16 hingga tahun ke-20 ialah 5.2%.

Pihak bank bersetuju untuk menyediakan kemudahan ini kepada anggota kerja MARA dengan syarat anggota kerja berkenaan memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh pihak bank semasa meluluskan kemudahan ini.

Koperasi bersetuju untuk memberi perkhidmatan kepada pihak bank dengan cara melaksanakan potongan bayaran bulanan daripada anggota kerja yang telah diberi kemudahan oleh pihak bank dan membayar jumlah tersebut kepada pihak bank secara bulanan sehingga kemudahan itu dibayar sepenuhnya.

17 DIVIDEN DICADANGKAN

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	1,182,331.58	1,065,393.64
Peruntukan tahun semasa	1,208,817.15	1,182,331.58
	2,391,148.73	2,247,725.22
Pembayaran dalam tahun	(1,182,331.58)	(1,065,393.64)
Baki pada akhir tahun	1,208,817.15	1,182,331.58

18 PERUNTUKAN ZAKAT

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	50,936.48	50,625.82
Pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan	43,912.96	41,105.08
	94,849.44	91,730.90
Bayaran dalam tahun	(41,105.08)	(40,794.42)
Baki pada akhir tahun	53,744.36	50,936.48

19 KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	38,687.13	38,394.75
Pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan	41,329.84	38,687.13
	80,016.97	77,081.88
Pelarasan bukan operasi - terkurang peruntuk	-	-
Bayaran dalam tahun	(38,687.13)	(38,394.75)
Baki pada akhir tahun	41,329.84	38,687.13

Pindahan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah dibuat menurut Seksyen 57(2)(a) Akta Koperasi 1993.

20 KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	19,343.57	19,197.38
Pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan	20,664.92	19,343.57
	40,008.49	38,540.95
Bayaran dalam tahun	(19,343.57)	(19,197.38)
Baki pada akhir tahun	20,664.92	19,343.57

Pindahan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi telah dibuat menurut Seksyen 57(2)(b) Akta Koperasi 1993.

21 MODAL SYER ANGGOTA

	Bilangan anggota	2019 RM	Bilangan anggota	2018 RM
Baki pada awal tahun	4,975	994,600.00	1,239	301,350.62
Tambahan dalam tahun	145	33,000.00	175	8,600.00
Pelarasan dalam tahun	-	-	3,845	702,632.79
	5,120	1,027,600.00	5,259	1,012,583.41
Kurangan dalam tahun	(368)	(62,000.00)	(284)	(17,983.41)
Pelarasan dalam tahun	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	4,752	965,600.00	4,975	994,600.00

21 MODAL SYER ANGGOTA (Sambungan)

Surat-surat pengesahan telah diedarkan kepada 100 anggota bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

Keputusan edaran adalah seperti berikut:

	Bil	Nilai (RM)
Anggota yang mengesahkan benar	78	15,600.00
Anggota yang melaporkan perbezaan	-	-
Anggota yang tidak menjawab	22	4,400.00
	100	20,000.00
Peratus kejayaan dari amaun edaran	78%	78%

22 MODAL YURAN ANGGOTA

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	30,828,717.07	30,589,588.80
Tambahan dalam tahun	3,515,508.94	1,793,023.32
Pelarasan dalam tahun		-
	34,344,226.01	32,382,612.12
Kurangan dalam tahun	(2,984,029.25)	(1,553,895.05)
		-
Baki pada akhir tahun	31,360,196.76	30,828,717.07

Surat-surat pengesahan telah diedarkan kepada 100 anggota bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

Keputusan edaran adalah seperti berikut:

	Bil	Nilai (RM)
Anggota yang mengesahkan benar	78	1,455,779.82
Anggota yang melaporkan perbezaan	-	-
Anggota yang tidak menjawab	22	438,361.32
	100	1,894,141.14
Peratus kejayaan dari amaun edaran	78%	77%

23 KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2019 RM	2018 RM
Baki pada awal tahun	2,194,121.42	1,961,998.62
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	247,979.07	232,122.80
Baki pada akhir tahun	2,442,100.49	2,194,121.42

24 PELBAGAI PENDAPATAN

	2019 RM	2018 RM
Terimaan perkhidmatan Public Bank Berhad	38,548.81	57,490.19
Terimaan perkhidmatan Bank Rakyat Malaysia Berhad	1,927.52	2,818.60
Terimaan perkhidmatan MBSB	28,024.73	24,437.85
Caj pentadbiran	15,797.50	12,067.00
Caj pelangsaian hutang	192,608.92	85,843.35
Komisyen jualan produk	9,200.94	87,448.84
	286,108.42	270,105.83

25 ELAUN DAN PERBELANJAAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Elaun Anggota Lembaga Koperasi:

Bil	Nama Anggota Lembaga	Bulanan RM	Mesyuarat RM	Mesyuarat Pembiayaan RM	Jumlah RM
1.	Pn. Meriyam binti Abd Majid	3,000.00	1,900.00	-	4,900.00
2.	En. Mohamad Nor Sazelim bin Mohamad	2,640.00	1,600.00	-	4,240.00
3.	En. Md Faridi bin Abd Rahim	1,300.00	1,800.00	810.00	3,910.00
4.	Pn. Norhafizah binti Ismail	3,000.00	1,900.00	-	4,900.00
5.	Pn. Halizah binti Harun	3,000.00	1,900.00	810.00	5,710.00
6.	En. Jefre bin Mohd Ariffin	2,520.00	1,900.00	810.00	5,230.00
7.	En. Wan Ahmad Faezal bin Wan Nawi	3,600.00	1,900.00	-	5,500.00
8.	En. Fazli Rizal bin Ismail	1,200.00	1,700.00	-	2,900.00
9.	Pn. Anidah binti Hussin	1,800.00	1,400.00	-	3,200.00
10.	En. Zairul Amri bin Adam	400.00	-	-	400.00
		22,460.00	16,000.00	2,430.00	40,890.00

JUMLAH ELAUN DAN PERBELANJAAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	40,890.00

26 PELBAGAI PERBELANJAAN

	2019 RM	2018 RM
Alat tulis dan percetakan	4,211.22	3,628.19
Belanja kos guaman	19,930.00	-
Belanja mesyuarat	1,111.00	846.35
Belanja pejabat	6,726.92	7,967.95
Belanja penyelenggaraan kenderaan	875.00	1,526.00
Belanja penyelenggaraan pangsapuri	4,640.00	2,136.10
Belanja perjalanan	2,361.00	2,850.98
Belanja perubatan	1,612.50	678.00
Dokumen fee	901.19	21,292.60
Elaun mesyuarat	4,010.00	4,255.00
Elaun juruaudit dalam	400.00	500.00
Elektrik	5,480.10	5,849.59
Cukai tanah dan pintu	3,433.70	3,465.40
Insuran kenderaan	1,785.62	1,622.78
Komisen bank	263.90	505.40
Komisen ejen	13,512.68	14,804.18
Pos	107.40	149.25
Peruntukan hutang lapuk	65,625.73	77,278.78
Rekreasi dan kebajikan	21,782.40	40,066.68
Sewa mesin fotostat	5,280.00	4,840.00
Sumbangan dan saguhati	13,300.00	15,830.00
Telefon dan faks	4,758.30	4,269.39
Yuran percukaian	950.00	950.00
	183,058.66	215,312.62

27 KOS DAN BILANGAN PEKERJA

	2019 RM	2018 RM
Kos pekerja (tidak termasuk Anggota Lembaga Koperasi)	373,522	403,879
Jumlah pekerja (tidak termasuk Anggota Lembaga Koperasi)	7	8

Kos pekerja termasuk semua bentuk ganjaran termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak RM30,023.00 (2018: RM34,220.00).

28 NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Koperasi pada tarikh lembaran imbangan tiada perbezaan material kecuali seperti pendedahan yang diasingkan dalam nota-nota di atas.

Andaian-andaian dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menganggarkan nilai saksama setiap kelas aset dan liabiliti kewangan adalah seperti berikut:

28.1 Pelaburan tetap, wang di bank dan di tangan

Nilai bawaan bagi pelaburan tetap, wang di bank dan di tangan dianggarkan nilai saksama kerana kematangan aset-aset ini dalam jangka masa pendek.

28.2 Penghutang perdagangan, pelbagai penghutang, pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang

Nilai bawaan kos asal bagi jumlah-jumlah penghutang dan pemiutang perdagangan adalah berdasarkan tempoh kredit biasa yang menganggarkan nilai saksama. Nilai bawaan bagi pelbagai penghutang dan pemiutang adalah munasabah dianggarkan nilai saksama kerana sifat kematangan dalam jangka pendek.

28.3 Pelaburan

Pelaburan dalam syer siar harga dan saham amanah adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai pasaran pada tarikh lembaran imbangan manakala pelaburan dalam syer tak siar harga adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai aset bersih pada tarikh lembaran imbangan. Pada dasarnya, nilai dibawa memberi kesan dan mempengaruhi nilai saksama adalah kesan daripada nilai anggaran pasaran dan nilai aset bersih.

28.4 Pembiayaan

Nilai bawaan pembiayaan jangka pendek menganggarkan nilai saksama kerana sifat kematangan pembiayaan dalam jangka pendek. Nilai bawaan untuk pembiayaan jangka panjang adalah dianggarkan pada kadar semasa yang ditawarkan untuk pembiayaan dengan sifat kematangan yang sama. Bagi pembiayaan jangka panjang adalah dianggarkan pada kadar semasa yang ditawarkan untuk pembiayaan dengan sifat kematangan yang sama. Bagi pembiayaan yang tiada sifat kematangan, nilai bawaan dianggarkan sama dengan nilai saksama kerana tidak praktikal untuk menganggarkannya.

KOPERASI
BUMIRA

LAPORAN TAHUNAN 2019

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2019/2020

UNJURAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD BAGI TAHUN 2020

	2020 RM	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN			
Pulangan Atas Pembiayaan Anggota	1,900,000.00	1,800,000.00	1,663,600.00
Pulangan Atas Pembiayaan Perumahan	8,000.00	8,800.00	8,800.00
Pulangan Atas Pembiayaan Tanah	11,000.00	11,000.00	18,300.00
Pulangan Atas Pembiayaan Kontrak	50,000.00	45,000.00	35,000.00
Pulangan Atas Pembiayaan Korporat	66,500.00	66,500.00	66,500.00
Keuntungan Pelaburan Khas Al-Qiradh	240,000.00	120,000.00	75,000.00
Keuntungan Jualan Tanah		94,000.00	94,000.00
Yuran Proses Pembiayaan	130,000.00	128,000.00	126,500.00
Dividen Saham	45,000.00	45,000.00	45,000.00
Hibah	4,800.00	4,600.00	4,400.00
Komisen Insuran	132,000.00	131,000.00	129,500.00
Jualan Borang	2,500.00	2,400.00	2,300.00
Fee Masuk	13,000.00	12,000.00	11,000.00
Pelbagai Pendapatan	330,000.00	340,000.00	330,000.00
Pendapatan Sewa rumah	21,600.00	21,600.00	21,600.00
Hutang Lapuk Ditulis Kembali	36,000.00	30,000.00	26,000.00
JUMLAH PENDAPATAN	**2,990,400.00**	**2,859,900.00**	**2,657,500.00**
PERBELANJAAN			
Alatulis dan Percetakan	14,000.00	14,000.00	13,200.00
Bayaran ansuran TMP			110,840.00
Belanja Kos Guaman	25,000.00	25,000.00	12,000.00
Belanja Mesyuarat	2,500.00	2,500.00	2,500.00
Belanja Mesyuarat Agong	80,000.00	75,000.00	60,000.00
Belanja Pejabat	10,000.00	10,000.00	10,000.00
Belanja Penyelenggaraan Kenderaan	5,000.00	5,000.00	5,000.00
Belanja Penyelenggaraan Pangsapuri	9,000.00	9,000.00	9,000.00
Belanja Perjalanan	8,500.00	8,500.00	8,500.00
Belanja Perubatan	6,000.00	6,000.00	6,000.00
Cukai Tanah & Pintu	5,000.00	1,000.00	1,000.00
Dokumen Fee	5,000.00	4,000.00	4,000.00

	2020 RM	2019 RM	2018 RM
Elaun Anggota Lembaga	45,000.00	39,000.00	26,280.00
Elaun Mesyuarat	6,000.00	5,000.00	23,500.00
Elaun Juruaudit Dalam	1,200.00	1,200.00	1,200.00
Elektrik	9,500.00	9,500.00	9,200.00
Gaji dan Bonus Pekerja	390,000.00	390,000.00	360,000.00
Insuran ALK & Kakitangan	1,000.00	1,000.00	1,000.00
Insuran Kenderaan	1,800.00	1,700.00	1,600.00
Komisen Bank	2,500.00	2,500.00	2,500.00
Komisen Ejen	20,000.00	20,000.00	20,000.00
Komisen Member Get Member	200.00	200.00	200.00
Kursus dan Seminar	2,000.00	2,000.00	2,000.00
KWSP dan SOCSO	42,000.00	40,000.00	31,850.00
Perisian Sistem Komputer	10,000.00	10,000.00	10,000.00
Peruntukan Hutang Lapuk	100,000.00	95,000.00	80,500.00
Pos	1,000.00	1,000.00	1,000.00
Promosi Dan Pengiklanan	1,500.00	1,500.00	1,500.00
Rekreasi dan Kebajikan	20,000.00	40,000.00	44,000.00
Sewa Mesin Fotostat	5,600.00	5,600.00	5,600.00
Sumbangan Dan Saguhati	30,000.00	30,000.00	30,000.00
Susutnilai	16,000.00	16,000.00	10,000.00
Telefon, Fax dan Internet	7,200.00	7,200.00	7,200.00
Yuran Audit Luar	7,000.00	7,500.00	7,500.00
Yuran Pencukaian	950.00	950.00	950.00
JUMLAH PERBELANJAAN	**890,450.00**	**886,850.00**	**919,620.00**
PENDAPATAN BERSIH	**2,099,950.00**	**1,973,050.00**	**1,737,880.00**

KOPERASI

BUMIRA

LAPORAN TAHUNAN 2019

USUL

Setiausaha
KOPERASI BUMIRA Malaysia Bhd
Lot 3.28 & 3.29 Tingkatr 2
Medan MARA
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

05/ 11/2019

Tuan

USUL YANG HENDAK DI BAHAS & DI LULUSKAN DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE 32 KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

1. **SAGUHATI KHAS SEBANYAK RM500.00 LIMA RATUS SAHAJA (ELAUN KECEWA) KEPADA PERWAKILAN DI KAWASAN IBU PEJABAT & SEMENANJUNG MALAYSIA**. INI DISEBABKAN ANGGOTA LEMBAGA BUMIRA TELAH BEBERAPA KALI MENYUARAKAN DAN BERJANJI BAHAWA MESYUARAT AGUNG KE 32 INI SEPATUTNYA BERTEMPAT DI SABAH.
   MOHON DIBAYAR SAGUHATI KHAS PADA MESYUARAT AGUNG KE 32 PADA AHLI-AHLI PERWAKILAN YANG HADIR SAHAJA.

PENCADANG

ASZMI BIN MOHAMED
NO. AHLI : 2463

PENYOKONG

MOHD ZUKI HUSSIN (917)

ABO ABU BIN MAT ZIN
8002

USUL MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE 32 KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

RECEIVED
13 NOV 2019
KOPERASI BUMIRA BERHAD

NAMA	:	NOR ADNAN BIN WAKIMAN
NO. AHLI	:	10040
Usul	:	

1. **Cadangan mewujudkan sumbangan bagi khairat kematian bagi ahli Koperasi Bumira.**

   Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Bank Rakyat 2017 pada 20 Mei 2017 meluluskan usul potongan RM5.00 daripada jumlah dividen yang diterima oleh setiap anggota mulai tahun 2018 untuk disumbangkan kepada Tabung Khairat Kematian dan membolehkan waris menuntut sumbangan khairat kematian sebanyak RM3,000.00. Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban keluarga dalam pengurusan jenazah dan lain-lain urusan. Segelintir kakitangan MARA yang tidak menyumbang / menjadi ahli BUKM dan SKKAM.

2. Pihak Koperasi membuka semula peluang dan ruang pemilikan tanah kepada ahli Koperasi.

3. Menerima keanggotaan kepada kakitangan Tadika/Taska MARA (guru & Pengasuh)

4. Kolaborasi antara pihak Koperasi BUMIRA dengan MARA dalam pembukaan Tadika/Taska MARA di Tingkat 1, Bangunan TH yang lebih kondusif dapat menampung permintaan yang tinggi dikalangan kakitangan dan subsidiari MARA selaras Transformasi Tadika/ Taska MARA
   - Kebajikan guru & pengasuh
   - Gaji minima RM1,200 berbanding gaji sekarang RM850